

BAB VI FAKTOR-FAKTOR YANG MENGHALANG USAHA-USAHA KEMAJUAN

A. Pendahuluan

Jika dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan lain, Universiti Malaya telah menjadi satu tempat yang tidak mengembangkan sukan dan tidak mengeluarkan jaguh-jaguh sukan. Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa Universiti Malaya adalah 'kubur' bagi ahli-ahli sukan.

Walaupun tuduhan-tuduhan sedemikian ada kebenarannya dan jika keadaan yang ada sekarang tidak diperbaiki, kedudukan sukan di universiti ini akan bertambah merosot dan mungkin benar-benar 'dikuburkan'.

Namun begitu, perlu dipersoalkan adakah keadaan di Universiti Malaya yang menyebabkan pelajar-pelajar tidak mengembangkan bakat mereka atau memang ketika memasuki Universiti Malaya mereka tidak mempunyai minat untuk berkecimpung di dalam kegiatan sukan. Persoalan ini penting kerana berdasarkan sejarah perkembangan sukan universiti ini (Bab II) memang sejak dahulu lagi keadaan kegiatan sukan di universiti dan sikap pelajar yang tidak meningkatkan aktiviti sukan di universiti ini.

Pelbagai pendapat mengatakan Pusat Sukan Universiti Malaya gagal mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan di universiti ini. Mungkin ada kebenaran pada pendapat itu akan tetapi memandangkan Pusat Sukan kini telah melakukan banyak perubahan dari segi pentadbiran dan pembangunan sukan maka sudah tentu kenyataan yang berat sebelah sedemikian patut diketepikan buat seketika. peluang patut diberikan kepada badan ini untuk membuktikan keupayaannya yang sebenar. Pekerang yang lebih penting ialah adakah pelajar-pelajar telah mengubah sikap mereka dan sanggup berkecimpung dalam aktiviti sukan di universiti. Oleh itu penulis telah membuat kajian ke atas pelajar-pelajar baru yang akan bakal menikmati perubahan-perubahan ini.

Untuk itu sampel seramai 100 orang telah diambil di kalangan pelajar baru sesi 1991/92 Asrama Bestari. Sampel dipilih daripada asrama ini dirasakan sesuai kerana asrama ini telah muncul sebagai Johan Pesta Sukan Minggu Halcansiswa sesi 1991/92. Ini bermakna ramai jaguh-jaguh sukan telah berada di asrama ini sewaktu Minggu Halcansiswa. Penulis berpendapat pandangan-pandangan yang diberikan pelajar-pelajar baru asrama ini sesuai dijadikan sebagai satu sampel pandangan semua pelajar-pelajar baru pada sesi 1991/92. Melalui kajian ini akan diketahui sama ada pelajar-pelajar yang baru masuk ini benar-benar berminat dan sanggup berkecimpung dalam aktiviti sukan di Universiti Malaya atau sebaliknya.

Perlu diambil perhatian bahawa segala penemuan tidaklah mewakili pendapat kesemua pelajar Universiti Malaya. Oleh itu generalisasi tidak boleh dibuat mengenainya. Analisis kajian hanya menitikberatkan pandangan pelajar yang menyenangi soal selidik. Maka itu ia bukanlah kesimpulan yang bersifat mutlak.

Objektif kajian adalah :

- i. Meninjau latar belakang kegiatan sukan pelajar sewaktu di sekolah dan maklumat mengenai kesanggupan mereka melibatkan diri di dalam aktiviti sukan di Universiti Malaya.
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor yang berkaitan yang boleh menghalang usaha-usaha kemajuan sukan di kalangan pelajar.
- iii. Melihat sikap pelajar mengenai penglibatan dalam pentadbiran sukan.

B. Penemuan Kajian

1. Latar belakang kegiatan sukan

Berdasarkan kepada jawapan yang diterima, sebanyak 89.85 peratus daripada pelajar menyatakan minat mereka terhadap kegiatan sukan. Selebihnya merasakan kegiatan sukan bukan bidang yang mereka minati. Bagi pelajar yang menyatakan minat, mereka telah melibatkan diri di dalam kegiatan sukan seperti bola sepak, hoki, bola tampar, ragbi, sepak takraw, bola jaring, olahraga dan tenis sewaktu di bangku sekolah.

JADUAL 6.1 : MINAT PELAJAR DALAM SUKAN

Berminat	89.85%
Tidak Berminat	10.15%

SUMBER: Soal selidik

Perlu diambil perhatian bahawa walaupun ada pelajar yang tidak berminat tetapi mereka ada juga melibatkan diri dalam kegiatan sukan di sekolah. Golongan ini adalah sebanyak 4.34 peratus. Pada masa yang sama sebanyak 4.34 peratus pelajar selain daripada golongan yang disebut tadi walaupun berminat tetapi tidak melibatkan diri dalam kegiatan sukan.

JADUAL 6.2 : MELIBATKAN DIRI DALAM KEGIATAN SUKAN

Terlibat	39.85%
Tidak Terlibat	10.15%

SUMBER:Soal Selidik

Bagi pelajar-pelajar yang telah melibatkan diri, mereka telah mencapai pelbagai peringkat seperti mewakili rumah, sekolah, daerah dan negeri. Ada pelajar walaupun pernah melibatkan diri dalam kegiatan sukan tetapi tidak pernah mewakili mana-mana peringkat. Golongan ini sebanyak 1.45 peratus dan bermain hanya setakat waktu mata pelajaran Pendidikan Jasmani.

JADUAL 6.3 : PERINGKAT PENGLIBATAN PELAJAR DI SEKOLAH

Wakil Rumah	31.88
Wakil Sekolah	33.33
Wakil Daerah	14.49
Wakil Negeri	8.95
Wakil Negara	-
Wakil Asean	-
Tidak Mewakili	11.59

SUMBER:Soal Selidik

Sewaktu di sekolah ramai pelajar setakat mewakili pasukan rumah dan sekolah mereka. Hanya sebanyak 23.18 peratus yang berjaya mengembangkan bakat mereka ke peringkat daerah dan negeri.

Bagi soalan adakah mereka ingin menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan di universiti didapati bahawa sebanyak 86.95 peratus menyatakan keinginan untuk berbuat demikian. Manakala selebihnya tidak ingin menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan mereka. Peratusan penglibatan pelajar dalam sukan telah berkurangan atau merosot sebanyak 7.9 peratus.

FIGURAL 6.4 : INGIN MENYERTAI ATAU MELIBATKAN DIRI
DALAM SUKAN DI UNIVERSITI

Ingin menyertai atau melancarkan kegiatan	88.95%
Tidak ingin menyertai atau melancarkan kegiatan	11.05%

UMPER:Soal Solidik

Pelajar-pelajar ini juga telah menunjukkan kecenderungan untuk hanya aktif di peringkat asrama iaitu sebanyak 47.83 peratus. Hanya sebanyak 30.43 peratus yang sanggup mengembangkan bakat sehingga ke peringkat universiti, MASUM dan ASEAN. Selebihnya hanya ingin menyertai kegiatan sukan atau rekreasi atau tidak menyertai langsung.

FIGURAL 6.5 : PERINGKAT YANG INGIN DIWAKILI DI UNIVERSITI

Wakil Asrama	47.83%
Wakil Universiti	14.48%
Wakil MASUM	5.79%
Wakil Universiti ASEAN	10.14%
Rekreasi	8.68%
Tidak Mewakili	13.05%

UMPER:Soal Solidik

Berikranya dibuat bandingan di antara penyertaan pelajar sebelum memasuki universiti dengan keinginan penyertaan pelajar selepas berada di universiti. Beberapa kesimpulan dapat dibuat :

- i. Penglibatan pelajar di universiti marcept berbanding dengan di sekolah sebanyak 2.9 peratus.
- ii. Pelajar lebih cenderung mewakili pasukan asrama dan kurang menunjukkan kesanggupan untuk mewakili peringkat yang lebih tinggi.
- iii. Pelajar yang pernah mewakili pasukan negeri ketika di sekolah hanya memilih untuk mewakili asrama ketika di universiti sejumlah 4.34 peratus.
- iv. Ada pelajar yang hanya setakat mewakili sekolah tetapi selepas memasuki universiti telah menunjukkan keinginan untuk mengembangkan bakat sehingga peringkat Universiti ASEAN iaitu sebanyak 2.99 peratus.
- v. Pelajar-pelajar sewaktu di sekolah tidak berpeluang melibatkan diri dalam kegiatan sukan telah menunjukkan kesanggupan untuk menyertai kegiatan sukan untuk rekreasi sebanyak 8.89 peratus.
- vi. Pelajar-pelajar langsung tidak mau melibatkan diri dalam kegiatan sukan adalah sebanyak 13.05 peratus iaitu kenaikan sebanyak 2.9 peratus.

terhadap alasan-alasan yang dikemukakan oleh pelajar untuk keengganan mereka untuk menyertai atau melanjutkan kegiatan mereka di klub atau persatuan-satuan pemuda yang ada.

Sebelum tidak mempunyai minat terhadap sukan, pelajar mempunyai masalah kasibatan seperti mengah dan beradegan lama.

Belajar tidak diberi penderaan yang baik atau disiplin ketika di sekolah.

Belajar tidak dapat membayangkan masa antara akademik dengan sukan. Lantak merasakan sukan hanya membebaskan akademik.

Belajar ingin menumpukan seluruh perhatiannya dalam akademik.

Belajar tidak mendapat galakan daripada ibu bapa untuk menyertai kegiatan sukan.

Belajar merasakan sukan memalutkan dan mengganggu konsentrasi sewaktu belajar.

Belajar yang tidak tinggal di asrama merasakan tidak wajib menyertai kegiatan sukan.

Belajar-pelajar juga disoal adakah mereka harus diarahkan oleh pihak universiti untuk menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan mereka di universiti. sebanyak 60 peratus menyatakan pihak universiti harus berbuat demikian. Selebihnya mengatakan mereka tidak perlu diarahkan. Mereka yang mengatakan demikian terdiri daripada dua kategori iaitu mengatakan tidak kerana mereka menganggapnya tidak akan menyertai sukan dan mereka yang tidak menyertai sukan tanpa galakan iaitu sebanyak 14.48 peratus.

JADUAL 6.6 : KEPERLUAN UNTUK GALAKKAN

Harus digalakkan	60.86%
Tidak harus digalakkan	39.13%

SOURCE: Soal Selidik

Disreka yang perlu digalakkan telah mengemukakan pelbagai cadangan bagaimana pihak universiti harus menggalakkan minat pelajar dalam sukan. Berikut adalah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan :

1. Menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang lengkap dan sempurna.
2. Memberi bantuan kewangan untuk membeli peralatan sukan.
3. Memberi penghargaan dalam bentuk biasiswa dan ganjaran kewangan dan tempat tinggal di serans kepada pemain yang menang.
4. Memberi latihan intensif dan sistematik untuk mengembangkan bakat termasuk menyediakan jadual latihan, juru latih dan sering menguji bakat.
5. Mengambil berat mengenai ahli sukan iaitu memberi motivasi, semangat, khidmat nasihat mengenai pembahagian masa dan teknik belajarnya yang berkesan.
6. Memberi maklumat mengenai kegiatan sukan melalui publisiti luas untuk mendapatkan penglibatan pelajar.
7. Memberi peluang untuk sukan untuk semua tanpa mengira peringkat kemahiran individu.
8. Menyelaraskan dengan pihak fakulti mengenai masa kuliah dengan masa bersukan.

Faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kegiatan sukan

Pelajar-pelajar telah dikemukakan beberapa kategori soal-soal tertutup yang mengelompokkan mereka menjawab daripada

1. Sangat setuju (SS)
2. Setuju (S)
3. Berkecuali (B)
4. Tidak Setuju (TS)
5. Tidak Setuju Sama Sekali (TSS)

Kategori-kategori soalan yang dikemukakan adalah berstruktur, iaitu, konsep sukan, dimensi perkembangan selain daripada akademik dan soalan-soalan am.

Akademik

Sebanyak empat soalan telah dikemukakan untuk mengetahui adakah akademik boleh menghalang kegiatan sukan. Sebanyak 34.70 peratus tidak setuju kegiatan sukan mengganggu prestasi akademik mereka. Sebanyak 14.49 peratus pula tidak setuju sama sekali bahawa kegiatan sukan mengganggu prestasi akademik. Hanya sebanyak 17.39 peratus yang bersetuju dengan kenyataan ini manakala 2.89 peratus sangat setuju kegiatan sukan mengganggu prestasi akademik. Sebanyak 17.39 peratus mengambil sikap berkecuali.

Pelajar juga berpendapat masa kuliah dan tatarasulanya terlalu lama akan menjejaskan penglibatan mereka dalam aktiviti sukan. Sebanyak 34.70 peratus setuju dengan kenyataan ini manakala 5.79 peratus sangat setuju. Sebanyak 34.70 peratus tidak setuju dan 7.24 peratus tidak setuju sama sekali.

Sebagi soalan adakah pelajar akan aktif sekiranya sukan dialihkan kepada semua pelajar, sebanyak 39.15 peratus bersetuju manakala 26.03 peratus tidak setuju. Sebanyak 10.14 peratus sangat setuju manakala hanya 2.89 peratus tidak setuju sama sekali kenyataan ini.

Jika aktiviti sukan diberi mata kredit, sebanyak 21.73 peratus sangat setuju untuk aktif dalam sukan. 40.57 peratus setuju, 18.34 peratus tidak setuju dan hanya 2.89 peratus tidak setuju sama sekali.

JADUAL 6.7 : MAKLUMBALAS SAMA ADA AKADEMIK
MEMPENGARUHI AKTIVITI SUKAN PELAJAR

	SS	S	R	TG	TSS	TJ
Kegiatan sukan yang banyak mengosongkan waktu akademik saya	2.89	17.83	17.39	47.82	14.49	0.00
Walaupun masa sukanya dan kegiatan yang banyak tidak mengizinkan saya mengertai kegiatan sukan	5.79	34.78	23.19	27.54	7.24	1.45
Saya akan aktif dalam kegiatan sukan lainnya kerana diwajibkan kepada semua pelajar	10.14	39.13	18.84	26.08	2.89	2.89
Saya akan aktif dalam sukan sekiranya saya diberi kota kredit	21.73	40.57	14.49	18.84	2.89	1.45

AMBER: Soal Selidik
Tara : TJ - Tiada Jawapan

kesukesan sukan

Pemahaman mengenai konsep sukan boleh mempengaruhi melibatkan pelajar dalam aktiviti sukan. Mereka yang memahami kelebihan melibatkan diri akan bergiat aktif. Sekiranya mereka yang jahil pula selama mengasingkan diri. Semua pelajar menyetujui bahawa kegiatan sukan dapat membangunkan dan menguatkan tenaga mental dan fizikalnya. 49.36 peratus sangat setuju dan 42.03 peratus setuju. Peratus yang tidak setuju hanya 4.55 peratus. Tidak ada pelajar yang tidak setuju sama sekali.

Dari kenyataan sukan boleh mengganggu kesihatan, peratusan pelajar yang menyetujuinya ialah hanya 5.79 peratus. Sebanyak 44.93 peratus tidak setuju dan 33.33 peratus tidak setuju sama sekali. Tidak ada sesiapa pun yang tidak setuju kenyataan ini.

Sebanyak 7.25 peratus pelajar sangat setuju dengan kenyataan bahawa setiap kali selesai bersukan badannya terasa sakit. Sebanyak 11.59 peratus pula bersetuju. Hampir seluruh pemain tidak setuju (49.02%) dan tidak setuju sama sekali (17.89%).

Keputusan pelajar yang mengaku selepas bersukan dia merasa letih dan ini mengganggu mengulangkaji perannya ialah sangat setuju (1.45%) dan setuju (1.45%). Sebanyak 42.02 peratus tidak setuju dan sebanyak 49.02 peratus tidak setuju sama sekali. Sebanyak 26.08 peratus mengambil keputusan berkecuali.

JADUAL 6.8 : MAKLUMBALAS SAMA ADA PEMAHAMAN
 KONSEP SUKAN MEMBENGARUHI PENGLIBATAN DALAM SUKAN

	SS	E	B	TS	TSS	TJ
Kejadian sukan saya mengembangkan dan menguatkan kemampuan mental dan fizikal saya.	46.38	42.03	5.79	47.35	0	1.45
Kejadian sukan tidak mengganggu kesihatan saya.	0	5.79	25.94	44.83	33.33	0
Setiap kali saya selesai bersukan badan saya berasa sangat sakit.	7.25	11.58	14.49	49.28	17.39	0
Saya berasa seriti apabila selesai bersukan dan ini mengganggu saya mengulangkaji kegiatan saya.	1.45	20.39	26.08	42.03	8.69	1.45

EMERER: Soal Selidik

Soal : TJ- Tiada Jawapan

Bandingan dengan dimensi lain

Dimensi kegiatan selain daripada sukan seperti kegiatan beransur, akademik, kebudayaan, sosial dan kemasyarakatan, politik dan keagamaan dan kerohanian juga turut penglibatan dalam kegiatan sukan.

Bagi soalan-soalan kategori ini ramai pelajar memilih yang berkecuali. Ini kerana dalam kebanyakan jawapan bagi majoriti pelajar mengambil jalan tengah ini. Bagi dimensi kecuali dimensi politik, peratus jawapan untuk melebihi jawapan lain. Bagi akademik sebanyak 43.43 peratus, bagi kebudayaan 39.13 peratus, bagi aktiviti sosial dan kemasyarakatan 43.43 peratus, bagi politik 31.68 peratus dan sebanyak 42.03 peratus bagi keagamaan dan kerohanian. Tetapi jika dibandingkan antara setuju dengan tidak setuju didapati bahawa ramai yang tidak setuju dengan pernyataan yang mengatakan bahawa dimensi-dimensi ini lebih berfaedah daripada sukan. Antara yang paling tinggi peratus tidak setuju ialah bagi kegiatan beransur politik iaitu 42.03 peratus dan kebudayaan iaitu 40.57 peratus. Peratusan yang tidak setuju kegiatan agama lebih berfaedah daripada sukan ialah 23.13 peratus iaitu lebih kecil daripada peratusan yang tidak setuju kegiatan akademik lebih berfaedah daripada kegiatan sukan iaitu 27.54 peratus.

JADUAL 6.9 : MAKLUMBALAS GAMA ADA DIMENSI LAIN
LEBIH BERFAEDAH DARIPADA KEGIATAN SUKAN

	SS	S	E	TS	TSS	TJ
Kegiatan berunsur akademik lebih berfaedah daripada kegiatan sukan.	7.25	20.29	33.93	37.54	13.04	2.89
Kegiatan berunsur kebudayaan lebih berfaedah daripada kegiatan sukan.	0	5.79	59.13	40.57	14.49	0
Kegiatan berunsur sosial dan kemasyarakatan lebih berfaedah daripada kegiatan sukan.	1.45	17.39	43.48	30.43	7.25	0
Kegiatan berunsur politik lebih berfaedah daripada kegiatan sukan.	1.45	5.79	31.08	42.03	18.84	0
Kegiatan berunsur agamaan dan kemanusiaan lebih berfaedah daripada kegiatan sukan.	10.14	18.84	42.03	23.18	5.79	0

AMBER: Soal Selidik
Date : TJ-Tiada Jawapan

Soalan am

Beberapa soalan yang berbentuk am telah dikemukakan kepada pelajar-pelajar Uaru ini. Ramai tidak setuju bahawa universiti bukanlah tempat untuk bergiat aktif dalam sukan. Sebanyak 39.13 peratus. Sebanyak 28.98 peratus pula tidak setuju sama sekali dengan kenyataan itu. Peratus yang tidak setuju bahawa pabaman agama melarangnya aktif dalam sukan ialah 40.58 peratus manakala sebanyak 53.62 peratus tidak setuju sama sekali.

Jika kemudahan sukan ditambah ramai merasakan kegiatan sukan akan bertambah maju. Sebanyak 31.88 peratus sangat setuju dan 53.62 peratus setuju dengan kenyataan ini. Pelajar juga berpendapat kegiatan sukan akan maju jika pelajar diberi peluang lebih banyak untuk mengurus kegiatan sukan. Sebanyak 23.13 peratus sangat setuju dan 49.28 peratus setuju dengan kenyataan ini. Sebanyak 21.73 peratus bersifat berkecuali.

TAJUAL 5.10 : MAKLUMBALAS TERHADAP SOALAN-SOALAN AM

	SS	S	R	TS	TSS	TJ
Apakah saya di universiti adalah tempat yang sesuai untuk bergiat sukan dalam sukan.	2.69	13.04	15.94	39.13	28.98	0
Pabaman agama suka melarang saya aktif dalam kegiatan sukan.	0	1.45	4.35	40.58	53.62	0
Saya berasa kegiatan sukan akan bertambah maju di universiti jika kemudahan sukan ditambah.	31.88	53.62	10.14	2.69	0	1.45
Kegiatan sukan akan maju jika pelajar diberi peluang lebih banyak untuk mengurus kegiatan sukan.	23.13	49.28	21.73	4.35	1.45	0

3.1.1. Melihat sikap pelajar mengenai penglibatan dalam pentadbiran sukan.

Definisi operasional bagi istilah pentadbiran di sini ialah berkaitan dengan pengurusan kegiatan sukan seperti pertandingan, ketua rama, penganjur program dan juru

Dalipada jawapan yang diperolehi, didapati bahawa sebanyak 40.57 peratus pelajar berminat untuk menguruskan pertandingan sukan walaupun sebanyak 14.49 peratus daripadanya pernah berbuat demikian. Sebanyak 59.42 peratus tidak berminat untuk mengurus walaupun sebanyak 21.74 peratus daripadanya pernah mengurus.

JADUAL 6.11: PENGLIBATAN DALAM PENGURUSAN SUKAN DI SEKOLAH

Berminat mengurus	40.57%
Tidak Berminat	59.42%
Pernah Mengurus	40.57%
Tidak Pernah	59.42%

SUMBER: Soal Selidik

Semua 28 orang sahaja yang pernah menjawab jawatan yang boleh dikatakan pernah mengurus. Kebanyakan mereka mempunyai pengalaman menjadi kapten pasukan permainan seperti bola sepak, bola tampar, renang, olahraga, sepaktakraw, bola badminton dan bola keranjang.

JADUAL 6.12: JAWATAN YANG DISANDANG OLEH MEREKA YANG PERNAH MENGURUS

Juru latih	1
Kapten pasukan	18
Ahli Jawatankuasa	8
Pengarah	1

SUMBER: Soal Selidik

Telajar-pelajar baru ini menunjukkan kecenderungan untuk melibatkan diri dalam kegiatan anjuran Jawatankuasa Sukan dan Asrama (JKP Sukan) sama ada dalam permainan atau pengurusan atau kedua-duanya sekali. Namun apa yang mengecewakan ialah ketika soalan sama ada pelajar ingin menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan di Universiti sebanyak 56.95 peratus menyatakan keinginan mereka tetapi hanya 53.81 peratus yang sanggup berbuat demikian. Bagaimana dengan 10.14 peratus yang menyatakan tidak untuk menyertai kegiatan JKP Sukan akan menyertai atau melanjutkan kegiatan sukan mereka? Soalan tersebut akan dijawab di bahagian selalain.

Mengenai penyertaan pelajar dalam kegiatan sukan anjuran Pusat Sukan pula sebanyak 68.12 peratus bersetuju untuk menyertai kegiatan anjuran Pusat Sukan. Perubahan ini kurang kepada jumlah yang terlibat di dalam program JKP Sukan dalam Perbincangan Peratusan Pelajar yang cenderung menyertai program JKP Sukan tetapi tidak mahu menyertai Program Pusat Sukan ialah sebanyak 8.69 peratus.

Bagi soalan adakah mereka mengetahui makna singkatan JKKM seramai 40.57 peratus mengatakan ya manakala selebihnya mengatakan tidak. Namun dalam 40.57 peratus itu sebagai jawapan yang telah diperolehi seperti dalam jadual 6.13 di bawah:

JADUAL 6.13 : MAKLUMBALAS MENGENAI MAKSUD MASUM

MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA	18.84%
MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYA	17.39%
MAJLIS AKADEMIK DAN SUKAN UNIVERSITI MALAYA	1.45%
MAJLIS SUKAN MALAYSIA	1.45%
MAJLIS SUKAN ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA	1.45%
Tidak tahu	59.43%

UMBER: Soal Selidik

Bagi dua soalan terakhir yang ditanya, 63.76 peratus pelajar menyatakan bahawa mereka ingin menyertai kegiatan sukan di universiti tetapi tidak tahu bagaimana hendak berbuat demikian. Sebanyak 85.6 peratus menyatakan bahawa mereka akan menyertai kegiatan sukan jika maklumat yang cukup diberi mengenai aktiviti sukan itu. Bagi yang mengatakan tidak, bukan semua yang tidak ingin maklumat tetapi mereka sudah pun memperolehi maklumat ketika berada di peringkat Asasi Sains, diberitahu oleh saudara-saudari mereka atau pernah dibaca daripada buku.


Penilaian

Pelbagai rumusan boleh dibuat mengenai penemuan kajian ini. Namun setiap rumusan yang dibuat tidaklah bersifat umum kerana ia hanya mewakili sebilangan kecil pelajar baru Universiti Malaya.

Latar belakang kegiatan sukan pelajar-pelajar baru ini menunjukkan bahawa majoriti besar pelajar berminat dan pernah melibatkan diri dalam kegiatan sukan.

Berdasarkan maklumat yang dikumpul daripada soal selidik boleh dibentuk beberapa rajah penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan sebelum dan selepas memasuki universiti. Rajah-rajah ini boleh dibandingkan dengan matlamat yang ingin dicapai oleh Pusat Sukan seperti di rajah 6.1 di bawah:

**RAJAH 6.1 : BANDINGAN MATLAMAT PUSAT SUKAN
DENGAN KEINGINAN PELAJAR**



terhadap rajah di atas didapati bahawa apa yang ingin dicapai oleh Pusat Sukan berbeza dengan apa yang ingin dicapai oleh pelajar. Walaupun peratusan penglibatan yang ingin dicapai oleh pelajar yang ditunjukkan oleh rajah bukannya mewakili seluruh universiti tetapi ia sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran kasar mengenai perbezaan matlamat antara pelajar dan Pusat Sukan.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong keinginan pelajar sedemikian. Oleh itu untuk mencapai matlamatnya Pusat Sukan perlu bertindak segera membetulkan anggapan-anggapan yang salah dan sikap pelajar terhadap sukan di universiti ini. Cadangan-cadangan dikemukakan dalam bab VII. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pelajar serta pandangan mereka menerusi soal selidik kajian ini juga harus diberi perhatian untuk memperbaiki keadaan.

Meninjau mengenai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kegiatan sukan di dapati bahawa kesemua aspek yang dikemukakan ada pengaruhnya.

Di dapati bahawa akademik bukanlah penghalang untuk pelajar bergiat dalam sukan. Majoriti pelajar tidak setuju sukan membebaskan prestasi akademik. Namun mereka merasakan jika kuliah dan tutorial yang banyak sudah tentu akan mengesahkan penglibatan mereka dalam sukan. Sekiranya sukan diwajibkan di universiti sebagaimana di sekolah (menerusi mata pelajaran Pendidikan Jasmani) didapati bahawa masih ada yang tidak mahu melibatkan diri. Akan tetapi majoriti besar bersetuju jika diberi mata kredit mereka akan melibatkan diri. Sekali lagi dapat dilihat sikap pelajar yang mementingkan ganjaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan.

Mungkin pemahaman konsep sukan iaitu kelebihan-kelebihan dari segi mental, fizikal, sosial dan emosi adalah penting dalam mempengaruhi mereka melibatkan diri. Walaupun majoriti besar pelajar setuju sukan dapat mengembangkan tenaga mental dan fizikal terdapat juga pelajar yang mengatakan sukan mengganggu kesihatan, menyebabkan mereka letih dan tidak boleh menumpukan pemikiran sewaktu belajar serta menyebabkan badan mereka sakit. Pandangan-pandangan demikian wujud kerana ramai pelajar tidak mendapat latihan secara kaedah yang betul, tidak melakukan warm-up dan warm-down ketika beresukan dan tidak mengamalkan cara pemakanan yang seimbang. Keadaan ini dapat diatasi sekiranya pelajar didedahkan kepada pengetahuan sukan seperti pemakanan sukan, perubahan sukan dan psikologi sukan.

Pengaruh kegiatan lain juga mempengaruhi kegiatan sukan pelajar. Kebanyakan pelajar ragu-ragu hendak menyatakan minatnya perkembangan yang mana satu yang mereka lebih cenderung. Ramai yang memilih untuk bersikap berkecuali. Di samping itu mereka juga tidak setuju kegiatan lain lebih penting daripada sukan walaupun kedudukan sukan hanya terletak selepas akademik dan keagamaan.

Kegiatan berbentuk politik dan kebudayaan mendapat sambutan yang kurang. Pelajar seolah-olah serba salah memilih antara sukan dan kegiatan yang lain. Keadaan ini menunjukkan kejahilan mereka mengenai kepentingan aktiviti untuk membentuk perwatakan dan cara hidup mereka. Oleh itu untuk penglibatan sukan, Pusat Sukan perlu mendidik pelajar-pelajar mengenai kelebihan-kelebihan bersukan.

Pada soal-soal, am pula, rata-rata semua pelajar memahami bahawa mereka boleh menjadikan universiti sebagai tempat mengembangkan bakat sukan mereka. Apa yang dikhuatiri ialah pelajar memasuki universiti dengan beranggapan bahawa universiti bukan tempat untuk bersukan. Fahaman agama juga boleh dijadikan alasan kerana majoriti pelajar berpendapat agama tidak menghalang kegiatan sukan. Akan tetapi cara pakaian dan masa sembayang mempengaruhi prestasi dan seseorang. Pertambahan kemudahan-kemudahan sukan dan pekerjaan peluang untuk menguruskan kegiatan sukan kepada pelajar didapati akan menambahkan penglibatan pelajar dalam sukan.

Akan tetapi tidak difahami mengapa majoriti pelajar menyatakan tidak berminat untuk menguruskan kegiatan sukan walaupun pada awalnya mereka mengaku penglibatan mereka dalam sukan akan bertambah jika peluang mengurus diberikan kepada pelajar. Mungkin apa yang ada dalam tanggapan mereka ialah peluang mengurus diberi kepada pelajar lain selain daripada mereka. Oleh itu, jika demikian pemikiran mereka maka mungkin boleh dirumuskan pelajar-pelajar baru ini akan menjadi pemain-pemain sahaja dan bukan pemimpin. Antara sebab yang mendorong mereka berfikir sedemikian ialah tidak mahu memikul tanggungjawab dan hanya hendak menumpukan perhatian untuk bermain sahaja.

Majoriti pelajar sanggup melibatkan diri dalam aktiviti sukan. UKP Sukan dan Jasmani (78.81%) dan Pusat Sukan (72.12%). Akan tetapi peratusannya kurang berbanding dengan keputusan pelajar yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti sukan (88.95%). Semua aktiviti sukan di universiti adalah diselenggarakan oleh badan-badan ini. Oleh itu sekiranya pelajar tidak terlibat dengan kedua-dua badan ini, bagaimana pula mereka ingin melibatkan diri dengan aktiviti sukan. Ada beberapa sebab yang boleh dikemukakan seperti berikut :

- i. Maklumat tidak mencukupi bagaimana melibatkan diri ketika Minggu Hala-hasiswa.
- ii. Pelajar tidak tinggal di asrama. Oleh itu badan yang akan mereka melibatkan diri ialah BUSPITA (persatuan pelajar tidak berasrama) dan persatuan-persatuan anak negeri.

Apabila membandingkan penglibatan pelajar dalam UKP Sukan dan Pusat Sukan didapati ia juga berbeza. Beberapa kesimpulan yang diambil ialah :

- i. Pelajar hanya ingin aktif di dalam asrama.
- ii. Pelajar tidak ingin mengembangkan bakat ke peringkat universiti.
- iii. Pelajar kurang maklumat bahawa program sukan universiti dirancang oleh Pusat Sukan.

Pemberian maklumat yang lengkap kepada pelajar adalah penting terutama ketika Minggu Hala-hiswa. Majoriti pelajar yang memasuki universiti tidak cukup pengetahuan mengenai sukan universiti. Pelajar merasakan sekiranya mereka diberi maklumat yang lengkap penyertaan mereka dalam aktiviti sukan akan bertambah.

Kesimpulan

Sebagai rumusan akhir dapat dikatakan bahawa persoalan apakah keadaan di universiti yang menyebabkan pelajar kurang melibatkan diri dalam sukan atau memang ketika memasuki universiti pelajar tidak mempunyai minat berkecimpung dalam sukan dapat dijawab menerusi kajian ini. Apa yang jelas kajian ini mendapati ramai pelajar menunjukkan sikap mahu bermain tetapi tidak untuk keperluan walaupun ketika di bangku sekolah mereka merupakan seorang jaguh. Sikap begini yang telah lama menyebabkan sukan di universiti ini tidak berkembang dengan pesat. Pelajar adalah komponen utama yang patut menunjukkan keinginan untuk mengembangkan bakat mereka. Jika mereka sendiri tidak menunjukkan perubahan sikap maka sebarang falsafah dan matlamat sukan yang lengkap sekali pun tidak akan berjaya.

Pusat Sukan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan perancangan untuk meningkatkan aktiviti sukan pelajar. Oleh itu jika pelajar-pelajar yang bakal menikmati kemudahan-kemudahan ini tidak mengubah sikap mereka maka amat sukar aktiviti sukan ditingkatkan di universiti. Namun pelajar sahaja tidak boleh disalahkan dalam hal ini kerana keputusan yang mereka buat dipengaruhi oleh pelbagai sebab yang lain.

Penulis berpendapat bukan semua orang yang memahami konsep asas mengenai sukan dan kelebihan-kelebihan bersukan. Mungkin pelajar lebih cenderung kepada bidang lain seperti kebudayaan, politik, akademik, kemasyarakatan dan kerohanian. Keutamaan mereka tidak diletakkan kepada sukan kerana mungkin bidang-bidang lain lebih bermakna untuk mereka dan boleh membantu mereka berjaya di dalam hidup. Akan tetapi peryertaan di dalam sukan tidaklah patut dikecualikan sama sekali kerana kekuatan mental dan fizikal yang dibentuk melalui aktiviti sukan akan membantu mereka lebih berjaya menghadapi cabaran-cabaran di bidang lain.

Oleh itu peranan Pusat Sukan kini patut bertambah iaitu hanya bukan sahaja menyediakan keadaan untuk bersukan (melalui penambahan kemudahan sukan) tetapi Pusat Sukan juga perlu bertindak segera membetulkan anggapan-anggapan yang salah dan sikap dingin pelajar terhadap aktiviti sukan di universiti.

Dalam hal ini juga, Pusat Sukan dengan sendiri tidak boleh berfungsi. Ia perlu mendapat bantuan dan sokongan sebagai komponen seperti Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti, Pentadbiran Asrama dan pelajar-pelajar sendiri. Oleh yang demikian, peranan Pusat Sukan ialah menjadi satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong menyokong di antara kalangan pelajar di universiti ini. Dengan interaksi sedemikian baharu sebarang falsafah dan matlamat Pusat Sukan akan dapat dicapai. Penulis telah mengemukakan beberapa cadangan bagaimana interaksi sedemikian dapat diwujudkan di dalam bab VII.